

GARIS PANDUAN PERLANJUTAN TEMPOH MENJALANI LATIHAN INDUSTRI BAGI PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1. PENDAHULUAN

Tujuan panduan ini diwujudkan adalah untuk memaklumkan pelajar UMP maklumat dan prosedur perlanjutan tempoh latihan industri (LI) di dalam dan luar negara dan ia tertakluk kepada syarat-syarat dan prosedur yang telah ditetapkan oleh universiti dan industri.

2. DEFINISI LATIHAN INDUSTRI (LI)

LI merujuk kepada kursus Hadir Wajib (HW) Universiti yang menempatkan pelajar di sesebuah organisasi sama ada di dalam atau di luar negara untuk menjalani latihan praktikal sebelum mereka dianugerahkan Diploma atau Ijazah Sarjana Muda.

3. DEFINISI PERLANJUTAN TEMPOH

3.1 Secara umumnya terdapat dua (2) tempoh latihan industri yang telah ditetapkan oleh universiti:

- **10 minggu** : Tempoh ini bagi pelajar sarjana muda jurusan kejuruteraan.
- **6 bulan** : Tempoh ini bagi pelajar sarjana muda jurusan bukan kejuruteraan dan pelajar diploma.

3.2 Perlanjutan tempoh LI bermaksud pelajar ingin bermula awal atau habis lewat dari tempoh yang telah ditetapkan oleh university bagi tujuan menimba pengalaman lebih dari industri.

3.3 Tiada had dalam tempoh perlanjutan pelajar selagi tidak mengganggu waktu atau jadual penkuliahan.

4. PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan perlanjutan tempoh LI boleh dimohon sebelum atau semasa menjalani LI. Kelulusan adalah dibawah **kuasa pihak majikan dan pihak fakulti**.
- 4.2 Walaupun begitu, pelajar dimohon berbincang dahulu dengan penasihat akademik atau koordinator LI fakulti sebelum memohon.
- 4.3 Pelajar yang ingin memohon perlanjutan tempoh perlu mengisi **lampiran 1** dan mendapatkan kelulusan **pihak majikan dan fakulti**.

5. PROSES PERMOHONAN

- 5.1 Pelajar dikehendaki mengisi Lampiran 1 dan perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada 'Human Resource' /pihak majikan sebelum memajukan kepada pihak koordinator LI fakulti untuk kelulusan daripada Dekan fakulti.
- 5.2 Pihak fakulti akan memproses permohonan selepas semua dokumen lengkap.
- 5.3 Dokumen yang diperlukan:
 - a) Lampiran 1
 - b) Salinan surat kebenaran dari pihak majikan untuk tempoh lanjutan yang diminta
- 5.4 Pelajar dikehendaki memohon dan mengurus **SENDIRI** permohonan perlanjutan tempoh.
- 5.5 Pelajar dibenarkan mengikuti LI dengan tempoh perlanjutan yang baru setelah kebenaran diberikan oleh pihak majikan dan fakulti.

5.6 Pelajar boleh memohon khidmat nasihat daripada koordinator LI dalam proses permohonan perlanjutan tempoh LI.

6. TEMPOH PERLANJUTAN LATIHAN INDUSTRI

6.1 Tiada had dalam tempoh perlanjutan tempoh LI, bagaimanapun pelajar perlu memastikan tidak mengganggu jadual atau waktu pengkuliahan.

6.2 Syarat kedatangan untuk lulus LI ialah minimum 80% mengambilkira tempoh asal LI, tiada keistimewaan diberikan kepada pelajar yang memohon perlanjutan tempoh.

6.3 Tiada sebarang perubahan berlaku kepada kredit subjek LI yang diambil walaupun pelajar menambah tempoh masa di LI.

**PERMOHONAN PERLANJUTAN TEMPOH LATIHAN INDUSTRI
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Nama pelajar:	
ID pelajar:	
Fakulti:	
Tempoh LI:	
Nama majikan:	
Email majikan:	
Justifikasi memohon perlanjutan tempoh LI:	<i>Sila lampirkan surat kebenaran dari pihak majikan dengan 'letterhead' syarikat</i>
Ulasan Dekan:	Keputusan : lulus / tidak diluluskan Tarikh baru LI : _____ Lain-lain:
Tandatangan dan cop Dekan:	

Simpanan fakulti sahaja